

KERTAS 1 [1103/1]

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**

Bahagian A

[30 markah]


[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada kad elektronik yang diperkenalkan di negara kita dan fungsinya.

Huraikan pendapat anda tentang fungsi-fungsi kad elektronik kepada masyarakat kini. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FUNGSI-FUNGSI KAD ELEKTRONIK

- Mengandungi pelbagai rekod
- Memudahkan urusan harian
- Meningkatkan keselamatan diri



Bahagian APendahuluan

masyarakat kini diperkenalkan dengan pelbagai kad elektronik sejajar dengan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi – kad-kad ini mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu

Isi-isi Penting

- (a) mengandungi pelbagai rekod – rekod kesihatan, imigresen, lesen memandu, dan sebagainya – tidak dapat disalahgunakan – pengesahan menggunakan cap jari pada pengimbas kad
- (b) memudahkan urusan harian – tidak perlu mengisi borang – menjimatkan masa, tenaga, wang, dan kertas – menggunakan kemudahan ICT sepenuhnya
- (c) meningkatkan tahap keselamatan – tidak perlu membawa wang yang banyak pada setiap masa – kurang mendedahkan kita terhadap jenayah yang melibatkan wang

Penutup

kesimpulannya, penciptaan pelbagai kad elektronik memudahkan urusan rasmi dan tidak rasmi – usaha meneroka dunia teknologi maklumat dan komunikasi – demi kesejahteraan rakyat

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Anda akan mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah “Cara-cara Memupuk Semangat Belajar”.

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

- 2 Laporan kemalangan jalan raya golongan bawah umur membabitkan kenderaan bermotosikal semakin meningkat belakangan ini.

Huraikan peranan ibu bapa bagi menangani masalah tersebut.

- 3 Hari Perkabungan Negara ekoran tragedi MH17 memang wajar untuk membuktikan kita ialah bangsa yang mampu bersatu dalam waktu susah dan senang.

Bincangkan.

- 4 Tugas membina keamanan merupakan satu beban berat yang tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada satu pihak atau negara sahaja. Tugas ini memerlukan komitmen masyarakat seluruh dunia.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

- 5 Peribahasa “di mana ada kemahuan, di situ ada jalan” bermaksud jika seseorang mempunyai cita-cita, dia akan berusaha untuk mencapainya.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa ini.

Bahagian B**Soalan 1**Pendahuluan

menyampaikan kata alu-aluan kepada para hadirin mengikut protokol – memperkenalkan diri – menyatakan definisi tajuk syarahan yang ingin disampaikan – “Cara-cara Memupuk Semangat Belajar”

Isi-isi Penting

- (a) mempelajari perkara yang baharu dengan niat untuk melakukan perubahan yang baik – contohnya belajar dalam bidang aeroangkasa – ilmu yang berkaitan dengan teknologi angkasa lepas dapat diguna pakai dalam kehidupan kita seharian
- (b) berazam untuk menjadi ilmuan yang terkenal demi agama, bangsa, dan negara – kekuatan sesuatu masyarakat itu ditentukan oleh keupayaan mereka menguasai ilmu – dapat membangunkan negara tanpa pertolongan daripada orang luar
- (c) menanam cita-cita yang tinggi dan berusaha untuk merealisasikan impian tersebut – melahirkan masyarakat yang mempunyai daya fikir yang tinggi – menggunakan ilmu itu dengan jalan yang baik dan menzahirkannya dalam bentuk yang nyata
- (d) memperbanyak kaedah pembelajaran yang memerlukan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis – menggarap ilmu teknologi terkini dengan akal bagi menghasilkan suatu ilmu yang baharu – memenuhi keperluan terkini negara
- (e) menjadikan seseorang sebagai idola untuk berjaya seperti dirinya – contohnya, Datuk Seri Najib yang mempunyai ilmu kepemimpinan yang tinggi – suaranya didengar penduduk dunia – persediaan untuk menjadi pewaris negara yang berwawasan

Penutup

kesimpulannya, seseorang murid perlu mempunyai semangat belajar yang tinggi – mempelajari pelbagai cabang ilmu pengetahuan – amat berguna dalam kehidupan pada masa hadapan sebagai generasi pelapis negara yang berminda kelas pertama

Soalan 2Pendahuluan

isu golongan bawah umur menunggang kenderaan bermotosikal semakin hangat diperkatakan pada hari ini – berikutan banyak kes kemalangan melibatkan golongan bawah umur – ibu bapa perlu melakukan sesuatu bagi menangani masalah ini

Isi-isi Penting

- (a) memberikan nasihat berdasarkan ajaran agama – setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan kebaikan – menunggang motosikal tanpa lesen perbuatan yang salah – remaja yang dididik untuk melakukan kebaikan tidak akan terpengaruh oleh perkara yang salah
- (b) mengawasi pergerakan anak-anak – mengetahui rakan dan tempat mereka berada – tidak mengizinkan anak-anak keluar rumah sesuka hati dan tanpa sebarang tujuan semasa cuti atau malam minggu – boleh mendedahkan anak-anak kepada gejala lumba haram
- (c) memupuk kesedaran tentang keselamatan di jalan raya – menceritakan baik buruk dan kesan menunggang motosikal tanpa lesen terhadap diri sendiri, ibu bapa, dan orang awam – anak-anak tidak akan menganggap ibu bapa sengaja menghalang mereka
- (d) merapatkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak – abang atau kakak yang sudah dewasa membantu ibu bapa mengawasi perlakuan adik-adik – hubungan yang erat antara seisi keluarga dapat mengelakkan anak-anak terlibat dalam unsur negatif
- (e) membawa anak-anak menyertai Kempen Keselamatan Jalan Raya – membuka minda mereka tentang undang-undang yang melarang golongan bawah umur yang belum matang dan tidak mendapat latihan yang sewajarnya daripada menunggang motosikal

Penutup

kesimpulannya, ibu bapa tidak harus lepas tangan – didikan bermula dari rumah – ketegasan ibu bapa dapat membendung masalah ini daripada berleluasa – tentunya ibu bapa tidak mahu anak-anak yang sempurna ketika lahir menjadi orang kurang upaya atas kealpaan sendiri

Soalan 3Pendahuluan

tarikh 22 Ogos 2014 merupakan Hari Perkabungan Negara – untuk menzahirkan tanda kedukaan seluruh rakyat Malaysia – menunjukkan kesatuan empati kepada waris dan rakan mangsa tragedi oleh semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan

Isi-isi Penting

- (a) sokongan moral dalam menghadapi tragedi yang pertama kali terjadi dalam sejarah penerbangan negara – bersama-sama berdoa dan bertafakur sejenak mengikut agama dan kepercayaan masing-masing – tragedi nasional – tragedi hitam negara
- (b) berkongsi kesedihan walaupun tidak pernah mengenali mangsa dan keluarga mereka – peristiwa ini meninggalkan kesan yang mendalam di hati seluruh rakyat Malaysia terutamanya waris anak kapal dan penumpangnya
- (c) tragedi malang ini secara tidak langsung telah membawa kepada penyatuan rakyat majmuk untuk berkongsi kesedihan dan saat-saat sukar – menunjukkan keharmonian rakyat di negara ini dalam menghadapi kesulitan secara bersama-sama
- (d) nilai seperti inilah yang perlu disemaikan agar sifat kebersamaan dan mengutamakan kesepaduan demi kepentingan rakyat dalam keadaan yang tidak dijangkakan – sikap kebersamaan ini mewujudkan semangat dan tekad baharu dalam kalangan rakyat
- (e) melalui perpaduan yang utuh tatkala berhadapan dengan tragedi – masyarakat luar akan lebih menghormati rakyat negara ini kerana berkemampuan untuk hidup secara bersatu padu dan sensitif terhadap tragedi yang menimpa negara

Penutup

kesimpulannya, Hari Perkabungan Negara yang diumumkan ini mampu menyatukan rakyat pelbagai kaum, agama, dan kepercayaan – kedukaan ini mewujudkan semangat cinta akan tanah air yang tinggi dalam kalangan rakyat – sama-sama bersedih menghadapi tragedi malang ini

Soalan 4Pendahuluan

rata-rata penduduk dunia pasti bersetuju sekiranya semua konflik dan krisis pada peringkat antarabangsa diselesaikan secara aman tanpa melibatkan kemusnahan harta benda dan pertumpahan darah – realitinya keadaan yang sebaliknya yang berlaku

Isi-isi Penting

- (a) tidak semua negara dan pihak-pihak yang berkepentingan bersetuju dengan pendekatan ini – negara-negara berkuasa besar lebih memilih untuk menyelesaikan sesuatu konflik dengan cara kekerasan – cenderung ke arah peperangan
- (b) Malaysia tetap bertegas dengan usahanya untuk menyelesaikan sebarang konflik serantau dan antarabangsa secara aman – kejayaannya telah dibuktikan melalui kejayaan menghapuskan komunis dalam negara dan isu sempadan
- (c) pengurusan konflik secara aman juga terbukti berjaya – Malaysia berjaya mengurus dan menyelesaikan konflik di Pulau Mindanao dengan termeterainya proses damai antara bangsa Moro dengan kerajaan Filipina
- (d) komitmen masyarakat seluruh dunia diperlukan – misi pengaman antarabangsa kini semakin kurang berkesan dan gagal – PBB hilang taringnya – negara-negara kuasa besar dunia meningkatkan jumlah pengeluaran dan penjualan senjata
- (e) pendekatan wasatiah yang dianjurkan oleh Malaysia disambut baik oleh kebanyakan negara di dunia kerana bersifat universal – pendekatan ini harus diaplikasikan dalam situasi tegang global yang berlaku sekarang

Penutup

kesimpulannya, semua pihak perlu bersatu hati dan menjalankan komitmen yang kukuh – tidak harus mempunyai niat terselindung – kita hidup di bawah satu bumbung yang sama – lebih banyak kemajuan akan tercapai sekiranya keamanan dunia terjaga

Soalan 5Pendahuluan

walaupun telah bertahun-tahun, Amri masih ingat akan nasihat arwah ibunya agar dia tidak mudah berputus asa sekiranya ingin berjaya mencapai cita-cita – kata-kata semangat arwah ibunya sentiasa menjadi pembakar semangat untuk Amri

Isi-isi Penting

- (a) seawal di tingkatan satu, Amri melibatkan diri dalam pertandingan mendeklamasikan sajak – terpaksa bersaing dengan murid tingkatan empat dan lima – menganggapnya sebagai cabaran untuk bersaing dengan orang yang lebih berpengalaman
- (b) berusaha untuk mendeklamasikan sajak dengan baik – membuktikan dirinya juga mampu dan layak untuk memasuki pertandingan – bercita-cita untuk merebut gelaran juara – sentiasa melakukan latihan dan bertanya kepada guru penasihat
- (c) pernah gagal dalam pertandingan tetapi bangun semula dengan persediaan yang lebih mantap dari segi fizikal dan mental – berusaha untuk mendapatkan tunjuk ajar daripada bekas murid yang pernah menjadi juara mendeklamasikan sajak
- (d) peribahasa “di mana ada kemahuan, di situ ada jalan” sentiasa tersemat di dalam dada – Amri tidak akan pernah melupakan niatnya untuk menjadi juara – dia akan berusaha sehabis baik untuk mencapai impiannya itu
- (e) akhirnya, Amri dinobatkan sebagai juara dan layak mewakili sekolah pada peringkat daerah, negeri, dan kebangsaan – Amri gembira kerana usahanya itu tidak sia-sia – dia sudah mampu tersenyum bangga – berjaya mengharumkan nama sekolah

Penutup

sikap mudah berputus asa dan cepat menyerah kalah akan membantutkan impian seseorang untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu bidang yang diingini – setiap murid harus mencontoh sikap Amri – rajin, tekun, dan gigih untuk merealisasikan impiannya

KERTAS 2 [1103/2]

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa dan kepentingan sukan kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pencapaian atlet negara di pentas antarabangsa beberapa dekad kini agak sukar untuk kita ramalkan. Kadangkala menyerlah dan ada kalanya mereka gagal mempamerkan prestasi yang diharapkan oleh para peminat. Antara punca yang telah dikenal pasti termasuklah standard program latihan untuk atlet yang dikatakan belum setanding dengan program di luar negara. Selain itu, kekurangan dari aspek fizikal dan mental juga menjadi persoalan ditambah pula dengan kekurangan dari segi skil atlet dalam hampir semua permainan yang disertai oleh negara. Oleh sebab itu, usaha-usaha untuk melahirkan atlet negara bertaraf antarabangsa tidak boleh dibuat secara sambalewa. Komitmen daripada satu pihak sahaja tidak akan mendatangkan apa-apa hasil yang boleh kita banggakan.

Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak baik daripada pihak atlet, jurulatih, kerajaan, persatuan sukan, sekolah, badan bukan kerajaan mahupun pihak swasta. Atlet perlu menjalani latihan fizikal dan mental dengan baiknya. Mereka juga perlu mempunyai kebijaksanaan merancang permainan dengan berkesan selain mempunyai kerjasama berpasukan yang ditonjolkan oleh semua pemain. Para atlet harus mempunyai ketangkasan untuk melancarkan serangan balas selain mempunyai kesanggupan untuk menerima arahan. Negara kita juga perlu mempunyai jurulatih yang bijak menyusun strategi dan berpandangan jauh agar atlet tidak terkapai-kapai dalam mencari arah tuju mereka.

Usaha kerajaan untuk melahirkan lebih banyak bakat baharu dalam bidang sukan dengan menyusun semula dan menambah baik Program Pengenalpastian Bakat (TID) bidang sukan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) amat dialu-alukan oleh semua pihak terutamanya peminat sukan tanah air yang kini amat *dahagakan kejayaan* daripada atlet negara pada peringkat dunia. Peranan sekolah dalam mengembangkan bakat murid dari sekolah sukan harus ditingkatkan agar bakat yang dimiliki oleh murid-murid ini tidak dipersia-siakan setelah mereka tamat persekolahan, manakala bagi sekolah biasa pula mereka harus memastikan Dasar Satu Murid Satu Sukan dilaksanakan dengan jayanya.

Pelbagai bentuk peranan pula boleh dimainkan oleh pihak swasta seperti menyalurkan dana atau menyumbang peralatan sukan bagi menjayakan Dasar Satu Murid Satu Sukan dalam usaha untuk mencungkil bakat-bakat baharu pada peringkat sekolah. Persatuan sukan juga boleh melakukan transformasi dalam peranannya dengan turut merangka pelan jangka panjang bagi mencari kaedah-kaedah yang terkini untuk mencungkil bakat-bakat muda yang mungkin terlepas pandang oleh Kementerian Belia dan Sukan atau Kementerian Pendidikan. Sekiranya semangat kerjasama yang erat ini terjalin dengan baik, tidak mustahil untuk negara kita mampu melahirkan atlet yang gah di mata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bantu Lahir Atlet Negara Bertaraf Antarabangsa'
Berita Harian, 6 September 2014

Soalan 1: RumusanPendahuluan

- Petikan membincangkan langkah-langkah untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa di negara kita.
- Petikan membincangkan cara-cara untuk melahirkan ahli sukan bertaraf antarabangsa dan kebaikan sukan kepada Malaysia.
- Rumusan membincangkan kaedah-kaedah untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa dan kepentingan sukan kepada negara.

Isi-isi Tersurat (Usaha-usaha untuk Melahirkan Atlet Bertaraf Antarabangsa)

1. Menjalani latihan fizikal dan mental dengan baiknya.
2. Merancang permainan dengan berkesan.
3. Bekerjasama secara berpasukan oleh semua pemain.
4. Melancarkan serangan balas dengan tangkasnya.
5. Kesanggupan untuk menerima arahan.
6. Jurulatih yang bijak menyusun strategi dan berpandangan jauh.
7. Usaha kerajaan untuk melahirkan lebih banyak bakat baharu.
8. Peranan sekolah dalam mengembangkan bakat murid dari sekolah sukan.
9. Sumbangan pihak swasta dalam bentuk dana atau peralatan sukan.
10. Transformasi peranan persatuan-persatuan sukan.

Isi-isi Tersirat (Kepentingan Sukan kepada Negara)

1. Melahirkan masyarakat yang mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif.
2. Mengharumkan nama negara pada peringkat dunia.
3. Penyumbang kepada pendapatan negara melalui penganjuran sukan antarabangsa.
4. Melahirkan masyarakat yang sihat dan mampu meningkatkan produktiviti negara.
5. Membuka perniagaan berbentuk alatan sukan.
6. Meningkatkan aliran masuk mata wang asing ke dalam negara.

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak harus membantu negara dalam melahirkan lebih banyak atlet bertaraf antarabangsa agar industri sukan negara dapat berkembang maju.

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *dahagakan kejayaan*. [2 markah]
... maksud: mengharapakan kemenangan

(ii) Pengarang menyatakan beberapa punca kegagalan atlet negara pada peringkat antarabangsa.
 Apakah punca-punca tersebut? [3 markah]
... standard program latihan atlet belum setanding dengan program di luar negara – kekurangan dari aspek fizikal dan mental – kekurangan dari segi skil atlet

(iii) Kerajaan telah berjaya melancarkan Dasar Satu Murid Sukan di sekolah-sekolah.
 Jelaskan pendapat anda tentang kepentingan Dasar Satu Murid Satu Sukan selain untuk mencungkil bakat-bakat muda pada peringkat sekolah. [4 markah]
... memberikan perhatian kepada murid yang kurang aktif supaya melibatkan diri dalam aktiviti sukan – menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani – melahirkan modal insan yang sihat, cergas, dan produktif – melahirkan generasi yang membudayakan sukan seiring dengan keperluan akademik

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana.”

Saya akur dengan permintaan bonda yang mahu saya menjaga buku-buku itu dengan baik. Kata bonda, hanya insan yang bernama Munsyi sahaja yang layak menyimpan khazanah lama itu. Lalu, sebaik sahaja tiba di ibu kota, saya berusaha menjejak tempat kediaman sahabat bonda melalui peta yang dibekalkan bonda. Pencarian saya membawa saya ke sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota yang merupakan tanah rizab Melayu. Akhirnya, selepas bertanya beberapa kali, saya tiba di sebuah rumah kayu berukir indah dengan pelbagai seni dan corak. Salam saya akhirnya dijawab seorang lelaki pada usia emas dengan janggut putih menutupi sebahagian muka yang putih bersih. Pakaianya lengkap dengan tengkolok dan baju Melayu bersamping bagaikan seorang Maharaja pada zaman Kesultanan Melayu. Jari-jemarinya lengkap menggenggam sebilah keris bersarung cantik. Dia memandang saya lama-lama.

“Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?”

Selepas saya memperkenalkan diri, dia mula tersenyum meramahi saya sebelum menjemput saya masuk.

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’
 oleh Husna Nazri
 dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang dilakukan oleh Mel sebaik-baik sahaja tiba di kota? [2 markah]
 ... *berusaha menjejak alamat sahabat bonda dengan menggunakan peta yang diberikan oleh bonda – bertanya kepada beberapa orang tentang alamat yang hendak ditujunya – bertemu dengan Munsyi – menyampaikan salam bonda dan menyerahkan khazanah lama*
- (ii) Khazanah lama amat bernilai tinggi pada masa sekarang.
 Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya kita dapat memelihara khazanah tersebut daripada lupus? [3 markah]
 ... *menyerahkan khazanah itu kepada pihak muzium – menyerahkan khazanah itu kepada pihak arkib – menyimpannya dengan baik dan kemas – membalut khazanah lama itu dengan cermat*
- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** nilai lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]
 ... *nilai dalam petikan: nilai amanah. Contohnya, Mel berusaha menunaikan amanah untuk menyerahkan khazanah lama kepada sahabat bondanya.*
 ... *nilai dalam keseluruhan cerpen: nilai ketaatan. Contohnya, Mel taat akan ibunya apabila dia tidak jadi ke kota kerana tidak dibenarkan oleh ibunya.*

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia *berdatang sembah* ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, “Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?”

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
 dalam antologi *Sejadah Rindu*,
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *berdatang sembah*. [2 markah]
 ... *maksud: hadir menghadap*

- (ii) Berdasarkan pertanyaan Seri Amerta kepada Tun Perak, nyatakan jawapan balas yang telah diberikan oleh Tun Perak sehingga membuatkan Sultan Muzaffar Syah melantiknya sebagai Perdana Menteri.

[3 markah]

... beliau telah bertanggungjawab sebaik-baik mungkin terhadap tugasnya – beliau telah menjaga nama baik negeri Melaka – beliau meminta agar Sultan memecatnya daripada jawatan tersebut supaya beliau boleh diberi sebarang tuduhan kerana tiada kemuliaan terhadap jawatannya lagi

- (iii) Fitnah mampu memecahbelahkan masyarakat dan memusnahkan sesebuah negara.

Seandainya anda Tun Perak, apakah tindakan yang akan anda ambil terhadap fitnah yang dilemparkan oleh orang Kelang itu?

[3 markah]

... meminta orang Kelang menjelaskan dakwaan dirinya teraniaya – menyasat dakwaan yang dibuat oleh orang Kelang itu – meminta raja menentukan kebenaran dakwaan tersebut

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiringi seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Dipetik daripada sajak 'Sang Gembala Kuda'
oleh Mohd Hashim Othman
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang berlaku terhadap kuda-kuda tunggangan Sang Gembala? [2 markah]
... kesakitan kerana dipukul dengan cemeti – tidak menyedari dirinya menjadi bahan tunggangan setelah kekenyangan – digunakan sebagai tunggangan untuk memburu rakannya sendiri

- (ii) Kebajikan haiwan-haiwan tunggangan perlu diutamakan oleh pemiliknya.

Pada pendapat anda, mengapakah perbuatan Sang Gembala Kuda terhadap kuda-kuda tunggangan dikatakan tidak wajar? [3 markah]

... tindakan tersebut kejam terhadap binatang – tindakan tersebut tidak berperikemanusiaan – tidak memikirkan keletihan kuda-kuda tunggangan tetapi hanya mementingkan kehebatannya

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang diketengahkan dalam sajak 'Sang Gembala Kuda'. [4 markah]
 ...persoalan **kebijaksanaan mengeksploitasi golongan yang lemah**. Contohnya, Sang Gembala Kuda menggunakan kudanya untuk menunjukkan kehebatan dirinya.
 ...persoalan **penganiayaan terhadap haiwan peliharaan**. Contohnya, Sang Gembala Kuda memukul kudanya dengan cemeti sehingga menyebabkan kuda itu ketakutan dan kesakitan

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap rangkai kata** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) bayaran balik
*Pemuda itu menyimpan satu per tiga daripada gajinya untuk membuat **bayaran balik** pinjaman pendidikan.*
 - (ii) besar panjang
*Walaupun Aiman sudah **besar panjang**, dia masih suka bermanja-manja dengan ibu dan ayahnya.*
 - (iii) pangkat rendah
*Ainon belajar sambil bekerja kerana dia tidak mahu menyandang **pangkat rendah** selama-lamanya di syarikat itu.*
 - (iv) keluaran baharu
*Pengurus itu meminta para pekerjanya memastikan **keluaran baharu** mereka berkualiti tinggi.*
 - (v) bertambah kukuh
*Pendapatan pekebun sayur di kawasan itu **bertambah kukuh** berikutan perkembangan dalam sektor pertanian.*
 - (vi) terbakar perlahan-lahan
*Rumah Mak Cik Gayah hampir musnah kerana dia tidak menyedari langsir tingkapnya **terbakar perlahan-lahan**.*

[6 markah]

- (b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah ini, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberikan.
- (i) Tokoh sukan wanita yang amat saya kagumi ialah *Datuk Nicol Ann David*.
***Siapakah** tokoh sukan wanita yang amat kamu kagumi?*
 - (ii) Persembahan teater Supermukh akan bermula *pada pukul 8:30 malam*.
***Bilakah** persembahan teater Supermukh akan bermula?*
 - (iii) Murid itu disayangi oleh semua guru kerana *sikapnya yang ringan tulang*.
***Mengapakah** murid itu disayangi oleh semua guru?*
 - (iv) Cara untuk memasak kek itu *adalah dengan membakar atau mengukus*.
***Bagaimanakah** cara untuk memasak kek itu?*
 - (v) *Pasport dan wang* dimasukkan ke dalam poket yang berjerut dengan tali.
***Apakah** yang dimasukkan ke dalam poket yang berjerut dengan tali?*
 - (vi) Pameran patung lilin berwajah selebriti itu diadakan di *i-City Shah Alam*.
***Di manakah** pameran patung lilin berwajah selebriti itu diadakan?*

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah ini terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kami mengambil keputusan untuk bermalam di sebuah chelet yang menghadapi ke laut di Pantai Chenang. Keesokan paginya, kami bersiar-siar di sekitar pekan Kuah, manakala pada waktu petang pula kami berehat di bawah pokok di tepi pantai itu sambil pencecah buah jambu batu dengan kuah rujak. Sebelum pulang ke Bagan Serai, kami membeli ole-ole untuk dihadiahi kepada saudara-mara dan kawan-kawan.

[6 markah]

Kesalahan ejaan:

- (i) chelet – chalet
- (ii) rujak – rojak
- (iii) ole-ole – oleh-oleh

Kesalahan dari segi imbuhan:

- (i) menghadapi – menghadap
- (ii) pencecah – mencecah
- (iii) dihadiahi – dihadiahkan

- (d) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu bapa merupakan tunggul utama dalam mendidik anak-anak berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul sejak daripada mereka kecil lagi.

Kesalahan penggunaan kata/istilah: tunggul – tunjang

Kesalahan tatabahasa: sejak daripada – sejak

- (ii) Murid yang mendapat keputusan teramat-amat cemerlang tetapi tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum mungkin berisiko untuk memasuki universiti.

Kesalahan penggunaan kata/istilah: berisiko – bermasalah

Kesalahan tatabahasa: teramat-amat cemerlang – amat cemerlang

- (iii) Nilai moral yang tinggi mahu dimiliki oleh setiap individu agar segala tindakan yang dilakukan tidak melanggar normal sosial dalam masyarakat.

Kesalahan penggunaan kata/istilah: normal – norma

Kesalahan tatabahasa: mahu – perlu

[6 markah]

- (e) Berikan **maksud peribahasa** yang berikut.

- (i) Mahal tak dapat dibeli, murah tak dapat diminta.

Sesuatu yang amat susah diperoleh

- (ii) Pipit hendak menjadi enggang.

Ingin melakukan sesuatu yang melebihi keupayaan yang ada

- (iii) Umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga.

Orang yang baik walau di mana-mana sekalipun akan dimuliakan juga

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (ii) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (iii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** contoh yang merujuk kepada persoalan inisiatif untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. [7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang memberikan keinsafan dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

Soalan 4: Novel

(a) *Dua contoh yang merujuk kepada persoalan inisiatif untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan:*

Novel *Jendela Menghadap Jalan*

...Lili akur dengan kehendak ibunya yang mahu dia menghabiskan cuti persekolahan di kampung datuknya – sekiranya Lili tidak akur akan kehendak ibunya, sudah pasti hubungan dengan ibunya akan menjadi renggang

...Lili tidak pernah membantah perintah neneknya – misalnya, neneknya meminta dia menemaninya pergi ke kedai – sekiranya Lili enggan berbuat demikian, hal itu mungkin menyebabkan neneknya berasa marah atau berjauh hati

Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*

...Adnan akur dengan kehendak ayahnya, Pak Saidi untuk menghantarnya belajar di sekolah Inggeris – sekiranya Adnan tidak akur dengan keputusan tersebut, maka hal itu pasti akan merenggangkan hubungannya dengan Pak Saidi

...Pak Saidi sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab akan menghantar dan mengambil Adnan di sekolah walaupun jaraknya jauh – sekiranya Pak Saidi tidak bertindak sedemikian, hal itu mungkin akan mendatangkan kesusahan kepada Adnan dan merenggangkan hubungan kekeluargaan mereka

Novel *Pantai Kasih*

...Raiha cuba melarikan diri dengan membawa anaknya, Rohayu yang menghidap sindrom down apabila berlaku pertengkaran antara dia dengan bekas suaminya, Dr Sadiz yang menuduhnya berlaku curang – Raiha bertindak sedemikian untuk memastikan hubungannya dengan Rohayu tidak putus

...Ibu Unong Siron sentiasa berada di sisi anaknya yang sedang menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul – tindakan ibu Unong Siron itu menunjukkan betapa eratnya hubungan kekeluargaan mereka

Novel *Di Sebalik Dinara*

...Farisha mengunjungi rumah abang angkatnya Azraai dan Azraai telah memberitahu perkara sebenar tentang dirinya yang menghidap masalah jantung – sekiranya Azraai tidak memberitahu Farisha tentang hal itu pasti adiknya itu akan berkecil hati dan menyebabkan hubungan mereka menjadi renggang

...Azraai membawa keluar Farisha dari hospital apabila mengetahui bahawa ada orang yang sedang memburu adiknya itu – tindakan Azraai ini dapat mengeratkan hubungan mereka adik-beradik

Novel *Songket Berbenang Emas*

... Dahlia sanggup tidak hadir ke sekolah semata-mata untuk menjaga adik-adiknya setelah ibu dan bapanya mengalami masalah kesihatan – tindakan Dahlia itu dapat memastikan kehidupan adik-adiknya terurus dan tidak terabai

... Nenek Kiah meminta Embong sekeluarga agar berpindah ke rumahnya kerana rumah Embong telah musnah akibat banjir – tindakan Nenek Kiah itu dapat memulihkan hubungannya dengan keluarga Embong dan seterusnya mengeratkan hubungan kekeluargaan mereka

Novel *Tirani*

... Waheeda sanggup membuat ujian DNA untuk memastikan bahawa Izzati ialah anak kandung Zahid apabila suaminya itu berasa curiga dengan kelahiran bayi tersebut – tindakan Waheeda ini adalah untuk menjaga hubungannya dengan Zahid

... Zahid meminta maaf daripada Waheeda dan menyatakan kekesalannya kerana telah menuduh Waheeda berlaku curang kepadanya – Izzati memujuk ibunya, Waheeda agar memaafkan bapanya, Zahid – tindakan tersebut dibuat agar hubungan mereka kembali pulih semula

Novel *Bimasakti Menari*

... ibu Muhammad Taufik tetap mengunjungi rumah anaknya itu walaupun dia telah bercerai dengan bapa Taufik – tindakannya itu untuk memastikan hubungan dengan anaknya tidak putus

... Budiman menemani adiknya, Nurul Hafsa berjumpa dengan Muhammad Taufik untuk membincangkan cara-cara menyelamatkan kelip-kelip di Kuala Selangor – tindakannya itu menunjukkan bahawa hubungan mereka erat dan keprihatinan Budiman terhadap keselamatan adiknya

Novel *Silir Daksina*

... Haiqal ke kampung arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan untuk menghidupkan Kumpulan Zapin D'Purnama semula setelah lama terkubur – semasa membuat persembahan zapin, ibu dan bapa tirinya turut hadir memberikan sokongan – kehadiran mereka untuk memastikan hubungan kekeluargaan yang terjejas kembali utuh

... walaupun Walid bapa tiri Haiqal, beliau merestui tindakan Haiqal untuk ke kampung arwah ayahnya – sekiranya dia tidak membenarkan Haiqal berbuat demikian, maka tindakan itu pasti akan merenggangkan hubungan mereka berdua

(b) Peristiwa yang memberikan keinsafan:

Novel *Jendela Menghadap Jalan* dan Novel *Songket Berbenang Emas*

... dalam novel *Jendela Menghadap Jalan*

... peristiwa penangkapan Rafiq dan Haziq telah menimbulkan keinsafan kepada pembaca – seseorang tidak akan selama-lamanya selamat setelah melakukan kesalahan seperti mencuri dan menagih dadah

... dalam novel *Songket Berbenang Emas*

... peristiwa kematian Said ekoran kegagalan Dahlia yang terjun ke sungai untuk menyelamatkannya – Dahlia telah dihina serta dituduh sebagai penyebab kematian Said – memberikan keinsafan kepada pembaca bahawa buat baik biar berpada-pada

Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dan Novel *Tirani*

... dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*

... peristiwa serangan tentera Jepun di Bukit Candu yang cuba dihalang oleh Leftenan Adnan dan askar-askar Melayu yang lain – walaupun tidak berjaya tetapi telah mendatangkan keinsafan kepada pembaca – menuntut rakyat bersungguh-sungguh untuk mempertahankan tanah air meskipun akan mengorbankan nyawa

... dalam novel *Tirani*

... peristiwa Zahid bertemu dengan Waheeda dan menyatakan kekesalannya kerana menuduh Waheeda berlaku curang sehingga menyebabkan perceraian mereka – telah menimbulkan keinsafan kepada pembaca – tidak bertindak terburu-buru kerana diri sendiri yang akan menanggung kerugian kelak

Novel *Pantai Kasih* dan Novel *Bimasakti Menari*

... dalam novel ***Pantai Kasih***

... peristiwa Felicia yang tidak stabil dan sentiasa memikirkan kesilapannya kerana terlibat dalam kematian anak Raiha – menimbulkan keinsafan kepada pembaca – tidak bersubahat melakukan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan penderitaan kepada orang lain

... dalam novel ***Bimasakti Menari***

... peristiwa penculikan Muhammad Taufik yang akhirnya dibebaskan dan para penculik telah diberkas oleh pihak berkuasa – menimbulkan keinsafan kepada pembaca – tidak melakukan tindakan yang sia-sia yang boleh merugikan diri sendiri

Novel *Di Sebalik Dinara* dan Novel *Silir Daksina*

... dalam novel ***Di Sebalik Dinara***

... peristiwa Shida dijadikan bahan uji kaji di makmal Soft Lab yang akhirnya membimbangkan Aqram – mendatangkan keinsafan kepada pembaca – sentiasa berhati-hati agar tidak menjadi mangsa kerakusan manusia yang cuba bertindak melebihi ilmu Tuhan

... dalam novel ***Silir Daksina***

... peristiwa persembahan Haiqal dan ahli Kumpulan Zapin D’Purnama telah ditonton oleh umi dan bapa tirinya – menimbulkan keinsafan kepada pembaca – sokongan keluarga sendiri akan membawa kejayaan kepada kita